

22 DEC 2003  
Abdullah-Kad  
KAD KRIMAS DARIPADA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 22 Dis (Bernama) -- Kad Krismas istimewa daripada tidak lain tidak bukan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menggembirakan ramai penganut Kristian -- dan 1,500 daripada mereka bertuah menerimanya pada musim perayaan ini.

Kemesraan yang ditunjukkan dengan penghantaran kad ini mencerminkan toleransi agama yang telah wujud di negara ini yang mempunyai 24 juta penduduk terdiri daripada pelbagai kaum dan berberbeza latar belakang agama.

Kad-kad itu telah dihantar kepada para pastor dan pemimpin Kristian di seluruh negara yang bersama pengikutnya telah turut mendoakan bagi kesejahteraan negara di bawah kepimpinan baru Abdullah.

Kad itu, yang tertera tandatangan Perdana Menteri, akan menggirangkan perasaan sesiapa sahaja yang menatapinya kerana ia menunjukkan karikatur rakyat Malaysia daripada pelbagai keturunan berpegangan tangan dan menari dalam semangat muhibah yang sebenar.

Dan kata-kata yang mengiringinya, walaupun mudah, berbunyi: "In your heart...peace; In your home...happiness; In the world...love; In our country...unity". (Di dalam hati anda...kedamaian; di rumah anda ...kebahagiaan; di dunia...kasih sayang; di dalam negara ...perpaduan)"

Abdullah menjadi Perdana Menteri ke lima Malaysia pada 31 Okt berikutan persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perutusan Perdana Menteri yang tulus ikhlas di dalam kad itu pastinya akan lama bermain dalam ingatan para penerimanya.

Inilah kata-kata seterusnya yang terkandung dalam kad itu dalam terjemahan: "Dengan ingatan tulus ikhlas Selamat Hari Krismas dan Tahun Baru 2004. Semasa musim perayaan ini marilah kita terus menjadi jiran dan sahabat yang baik."

"Marilah kita turut berusaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih penyayang, lebih toleran dan tanahair yang dicintai semua.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada anda dan anggota gereja anda terhadap doa dan ucap selamat yang diberikan. Sampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada pengikut anda semua."

Adalah difahamkan ini merupakan pertama kali seorang perdana menteri Malaysia menghantar ucapan peribadi Krismas kepada rakyat Malaysia penganut Kristian.

-- BERNAMA  
MAM MFJ AHH RON